KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.05.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal

CABARAN PEGAWAI VETERINAR RAWAT HAIWAN LIAR

SALAH LANGKAH, NYAWA MELAYANG

"Saya pernah dipijak gajah liar seberat tiga tan di bahagian dada dua tahun lalu.

"Akibatnya, saya mengalami pendarahan dalaman di bahagian paru-paru dan terpaksa mengambil cuti sakit hampir setahun," kata Pegawai Veterinar Dr Ana Maria Abd Rahim.

Dr Ana Maria yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia melakukan tugas merawat dan memindahkan haiwan liar termasuk gajah.

Menurut Dr Ana Maria, kejadian yang tidak boleh dilupakan itu berlaku ketika bertugas menyelamatkan gajah liar di Krai, Kelantan.

"Saya dan pasukan tidak menyedari ikatan rantai pada kedua-dua kaki gajah terbuka kerana kakinya terendam di dalam lumpur.

"Apabila kami menembak suntikan pelali, gajah terkejut lalu mara ke hadapan. Gajah melibas dengan belalainya menyebabkan saya jatuh dan terbaring," katanya.

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tugas sebagai pegawai veterinar di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dalam merawat haiwan liar seperti gajah dan harimau bukan mudah, malah jika salah langkah, nyawa mungkin jadi galang ganti.

Pada masa sama, pegawai veterinar juga perlu peka dengan tahap kesihatan haiwan bagi memastikan rawatan segera dapat diberikan kepada haiwan berkenaan.

Kerana itu, pegawai veterinar ini perlu cekal serta berani mengambil risiko untuk merawat haiwan berkenaan.

Bukan sekadar cedera ringan, malah ada pegawai veterinar yang parah dan terpaksa mengambil cuti sakit yang panjang akibat tercedera ketika merawat haiwan ini.

Berikut kisah berani pegawai veterinar Perhilitan yang juga wanita besi dalam menjalankan amanah merawat haiwan yang sakit.

Kata Dr Ana Maria, dia kemudiannya dipijak di dada dan kejadian berlaku dengan pantas.

"Dalam kesakitan, saya menutup mata dan mendiamkan diri bagi mengelakkan gajah bertindak agresif.

"Saya kemudiannya dibawa ke hospital untuk rawatan," katanya.

Dr Ana Maria berkata, mujur gajah tidak memijak kuat dadanya, jika sebaliknya, mungkin dia berdepan risiko kehilangan nyawa.

Menurut Dr Ana Maria, sejak tiga tahun lalu, dia sudah merawat dan memindahkan 30 gajah liar.

Katanya, gajah mempunyai karektor pendendam, pendiam dan pada masa sama, ada keinginan untuk mesra dengan manusia.

"Paling penting adalah jangan mengambil tindakan yang boleh membuatkan gajah marah," katanya.

Menurut Dr Ana Maria, sebagai doktor veterinar, dia berusaha mengenal pasti apa yang berlaku terhadap gajah.

Katanya, jika sakit, gajah akan hilang selera makan dan rawatan diberikan ialah ubat antibiotik serta drip air.

"Antara penyakit biasa yang dihidapi gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang ialah elephant *endotheliotropic herpesvirus* (EEHV) dan *tuberculosis*.

"Pusat ini menempatkan gajah liar yang diselamatkan untuk dipelihara," katanya.

Menurut Dr Ana Maria, diet harian gajah membabitkan 500 kilogram campuran tebu, tembikai, rumput dan palet.

> *Jangan mengambil tindakan yang boleh membuatkan gajah marah*
> DrR Ana Maria



DR Ana Maria nyaris maut dipijak gajah.

